



# NILAI DAN PRINSIP SIKa

BUILDING TRUST



# NILAI-NILAI YANG KUKUH SEBAGAI ASAS BERSAMA

Sahabat yang dikasihi,

Sika telah menjadi peneraju pasaran global bagi bahan kimia khusus. Hari ini, Sika bermaksud teknologi produk premium dan perkhidmatan kelas pertama di seluruh dunia. Kejayaan berterusan ini didorong oleh lima Nilai dan Prinsip kami.

1. Pelanggan Didahulukan
2. Keberanian untuk Inovasi
3. Mampan dan Integriti
4. Pamerkasaan dan Rasa Hormat
5. Mengurus untuk Mencapai Hasil


Bersama-sama dengan Tatakelakuan, prinsip-prinsip ini mencerminkan budaya korporat Sika dan menentukan identity kami dan siapa yang kami ingin menjadi.

Hayatilah Nilai-nilai dan Prinsip-prinsip ini dalam kerja harian anda – dengan komitmen dan semangat. Memimpin melalui teladan.

Terima kasih atas sumbangan berterusan anda kepada Kisah Kejayaan Sika.



Thomas Hasler  
Ketua Pegawai Eksekutif



Thierry Vanlancker  
Pengerusi Lembaga Pengarah

Baar, 1 April 2024

# NILAI DAN PRINSIP

PELANGGAN DIDAHULUKAN

BERANI UNTUK INOVASI

KEMAPANAN & INTEGRITI

PEMBERDAYAAN & HORMAT

MENGURUS UNTUK MENCAPAI HASIL

## SEMANGAT SIKA ADALAH SINONIM DENGAN NILAI DAN PRINSIP YANG KUKUH BAGI MEMBENTUK DNA SYARIKAT KAMI



### 1. PELANGGAN DIDAHULUKAN

Kami berdedikasi untuk menyediakan dan mengekalkan standard kualiti yang tertinggi berkenaan dengan produk dan perkhidmatan kami. Komitmen kami kepada inovasi bukan sahaja membolehkan kami memenuhi permintaan semasa, bahkan juga menjangkakan harapan masa depan. Semua penyelesaian Sika direka untuk kejayaan pelanggan kami dan kami berusaha membina hubungan jangka panjang dan hubungan yang saling menguntungkan, bukannya fokus kepada perniagaan jangka pendek. Sikap ini ditekankan oleh penegasan korporat kami: **Membina Amanah**.

Kami berbangga dan bersyukur bahawa komitmen kami untuk memenuhi janji jenama kami setiap hari telah membawa segitiga Sika, iaitu simbol visual 100 tahun kami, sehingga ia menjadi sinonim dengan prestasi, kualiti, keandalan dan perkhidmatan di seluruh dunia.

### 2. BERANI UNTUK INOVASI

Kejayaan dan reputasi Sika didasarkan pada tradisi inovasi yang berpanjangan. Sehubungan itu, teras perniagaan kami adalah pengurusan inovasi kami dan tumpuan kami dalam membangunkan produk berkualiti dan penyelesaian terbaik untuk pelanggan kami. Kami telah menginstitutionkan **Proses Penciptaan Produk** Sika dengan tumpuan yang mantap untuk membangunkan secara konsisten produk, sistem dan penyelesaian baru untuk lekatan, pengedap, redaman, pengukuhan dan perlindungan dalam pasaran sasaran kami yang ditetapkan.

Dengan melabur di pusat teknologi dan makmal terkemuka kami di seluruh dunia, kami mendapat manfaat daripada rangkaian rakan kongsi, pembekal dan saintis kami di seluruh dunia, sambil memenuhi janji kami untuk mendekati pelanggan kami di mana-mana.

### 3. MAMPAN & INTEGRITI

Kami mengambil perspektif jangka panjang mengenai pembangunan perniagaan kami dan kami bertindak dengan penuh hormat dan bertanggungjawab terhadap pelanggan kami, pihak berkepentingan kami dan pekerja kami. Kami beroperasi dengan tumpuan yang kuat terhadap keselamatan, kualiti, persekitaran, layanan secara adil, penglibatan sosial, perkembangan yang beretika, dan penciptaan nilai.

Mampan adalah komponen penting dalam usaha kami untuk inovasi. Bagi kedua-dua bangunan dan kenderaan bermotor, kami berhasrat untuk meningkatkan ketahanan dan meningkatkan kecekapan tenaga dan bahan. Kami membuat segala usaha secara konsisten untuk menyumbang kepada pengurangan penggunaan sumber di dalam syarikat kami sendiri dan juga untuk rakan kongsi kami yang mempercayai produk kami. Inisiatif dan kemajuan kami dianjurkan di sepanjang **Inisiatif Pelaporan Global**.

Keselamatan didahulukan di sepanjang semua usaha tersebut. Kesejahteraan dan kesihatan pekerja dan rakan kongsi kami adalah prasyarat untuk kejayaan kami. Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat sentiasa menjadi keutamaan.

Kami menambahbaik ekonomi, sosial dan alam sekitar di semua negara dan komuniti yang kami beroperasi. Melalui Program Penglibatan Komuniti Sika (“Sika Cares”) dan kerja sukarela yang berdedikasi, kami menyokong secara aktif projek sosial dan pendidikan di masyarakat setempat. Sebagai ahli UN Global Compact, kami komited untuk pembangunan mampan global.

Kami tidak berkompromi dengan integriti, dan menjalankan kerja kami dengan standard etika yang tinggi. **“Tatakelakuan”** Sika mentakrifkan standard dan peraturan tingkah laku kami bagi syarikat kami dan semua pekerja kami.

### 4. PEMERKASAAN & RASA HORMAT

Kami percaya kepada kecekapan dan semangat keusahawanan pekerja kami. Kami memupuk hubungan kerja yang amanah dan menghormati dan tidak menggunakan kuasa dengan cara yang formal semata-mata. Kami menikmati bekerja rapat dengan satu sama lain dan dengan pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan kami.

Iklm kerja kami adalah iklim yang bercirikan aspirasi dan inspirasi. Kami memberi kuasa kepada pekerja kami untuk membangun dan mencadangkan idea-idea baru. Keputusan dan tanggungjawab diamanahkan mengikut tahap kecekapan.

Kami berhasrat untuk melaksanakan unit-unit organisasi kami dengan kaedah yang tidak terpusat seboleh mungkin dan untuk mewujudkan organisasi rata dengan langkau kawalan yang luas. Latihan dan pembangunan pekerja kami diberi keutamaan yang tinggi. Kami berhasrat untuk membangunkan pemimpin kami untuk masa depan dan kami memberi tumpuan kepada calon dalaman untuk promosi.

### 5. MENGURUS UNTUK MENCAPAI HASIL

Kami berhasrat untuk berjaya dan berbangga dalam mencapai hasil yang cemerlang secara berterusan dan mengungguli pasaran. Kami mengejar visi dan sasaran kami dengan ketekunan dan pandangan jangka panjang.

Kami percaya kepada tanggungjawab individu dalam syarikat kami. Fungsi dan projek jelas ditugaskan. Tanggungjawab untung dan rugi secara keseluruhan terletak pada Pengurus Besar.

Sika mempunyai penanda aras telus bagi prestasi kewangan menurut strategi yang ditetapkan. Penilaian prestasi adalah berdasarkan kepada bahagian pasaran, pertumbuhan jualan, keuntungan dan kecekapan modal.

**BUILDING TRUST**

